



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



MITI AKAN PASTIKAN PERUNTUKAN RM227 BILION UNTUK SEKTOR EKONOMI DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS 2026 – 2030 DIMANFAATKAN SEPENUHNYA BAGI TRANSFORMASI EKONOMI

Sebagai kementerian utama yang menerajui bidang pelaburan, perdagangan, dan industri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) menyambut baik peruntukan sebanyak RM611 bilion untuk RMK13, dengan **RM227 bilion disalurkan kepada sektor ekonomi**. MITI juga berpandangan positif terhadap komitmen kerajaan untuk meneruskan **Dana Pelaburan Bersama Strategik (CoSIF) di bawah NIMP 2030** bagi menyokong pelaburan dalam sektor bernilai tinggi.

Pelaksanaan RMK13 akan disokong oleh dasar-dasar strategik utama di bawah MITI, termasuk **Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, Strategi Semikonduktor Nasional (NSS), Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA), Strategi Pelaburan Hijau (GIS), dan Rangka Kerja Industri Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus Kebangsaan (i-ESG)**. Secara khusus, MITI akan:

1. **Mempergiatkan usaha untuk melonjakkan pertumbuhan sektor *High Growth High Value* (HGHV) melalui pelaksanaan NIMP 2030 dan NSS.** Inisiatif utama termasuklah memposisikan Malaysia sebagai hab semikonduktor berteknologi tinggi dengan sasaran nilai eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) mencapai RM1.0 trilion menjelang 2030. Kerjasama strategik juga akan dipergiatkan untuk mempercepatkan peralihan kepada pengeluaran produk bernilai tinggi. Setakat ini, pelbagai program telahpun dilaksanakan untuk menyokong transisi industri kita ke rantai bernilai lebih tinggi bagi sektor semikonduktor, termasuk Program IC MyChipStart; Taman Reka Bentuk IC Semikonduktor Selangor; Reka Bentuk Silikon Pulau Pinang@5km+ di Pulau Pinang; serta Taman Teknologi Tinggi Sama Jaya di Sarawak.

2. **Menggiatkan pembangunan *Halal Industrial Park*** yang bakal menyumbang kepada peningkatan sasaran eksport halal negara sebanyak RM80 bilion menjelang 2030. Bagi tempoh Januari – Jun 2025 sahaja, nilai eksport halal Malaysia telah mencecah RM 33.32 bilion.
3. **Memperkukuh peranan Malaysia sebagai hab serantau yang berdaya saing dalam perdagangan, pelaburan dan pembangunan bakat** bagi merealisasikan aspirasi ***Made by Malaysia***. Dari sudut bakat, melalui ekosistem MITI, seramai lebih 13,000 pekerja Malaysia berkemahiran tinggi telah dilatih dalam industri semikonduktor, melalui beberapa program utama termasuk yang diterajui oleh Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) dan Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp. Usahasama ini bukan sahaja untuk memenuhi keperluan industri kita, malah kajian mendapati peserta program peningkatan kemahiran menikmati kenaikan gaji sehingga 20%, dengan lebih separuh meraih pendapatan bulanan melebihi RM3,000.
4. **Menggiatkan pelaksanaan agenda pertumbuhan mampan negara melalui Strategi Pelaburan Hijau (GIS)**, yang menggariskan tujuh bidang keutamaan termasuk Tenaga Boleh Baharu dan Ekonomi Kitaran untuk meningkatkan daya saing pelaburan dan mencapai sasaran pelepasan karbon negara. Setakat Mac 2025, sebanyak RM22.9 bilion Pelaburan Hijau telah diluluskan di bawah GIS, merangkumi 1,492 projek yang bakal menyediakan 9,199 peluang pekerjaan. Pelaksanaan projek-projek yang telah dan akan diluluskan bakal menyumbang kepada pencapaian aspirasi pembangunan mampan di bawah RMK-13.
5. **Memastikan daya saing global negara terus dipertingkatkan** melalui kedudukan Malaysia dalam *World Competitiveness Ranking* (WCR) 2025 yang telah melonjak 11 anak tangga ke kedudukan ke-23. MITI beriltizam untuk memastikan negara terus berada di landasan yang kukuh untuk mencapai sasaran RMK13 bagi berada dalam kelompok 12 ekonomi paling berdaya saing di dunia menjelang 2033. MITI dan Malaysia Productivity Corporation (MPC) juga memainkan peranan melalui Jawatankuasa Daya Saing Negara (JKDSN) dari segi penetapan hala tuju strategik

tentang daya saing, dengan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dan lebih 1,000 inisiatif reformasi peraturan di bawah program Reformasi Karenah Birokrasi (RKB).

6. **Memastikan dasar dan strategi perdagangan dilaksanakan dengan berkesan, melalui Rangka Tindakan Perdagangan Nasional 2.0 yang akan diperkenalkan.** MITI akan terus menggalakkan pemain industri dan pengeksport untuk memanfaatkan 18 perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada termasuk *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) dan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP). Sehubungan itu, rundingan FTA dengan Kesatuan Eropah, Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Republik Korea juga sedang giat berlangsung. MITI juga akan meneroka pasaran baharu untuk mempelbagaikan dan memperluas akses kepada pasaran global. Kerjasama ekonomi serantau seperti Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT), dan Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) juga akan diperkukuh.

Menteri MITI, YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz berkata, “Dari segi pelaksanaan, MITI mengalu-alukan mekanisme pemantauan RMK13 yang dipertingkat melalui Sistem Pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD). Bagi MITI, pelaksanaan sememangnya diutamakan melalui pelbagai usaha, seperti Invest Malaysia Facilitation Centre untuk memudahkan perjalanan pelabur, dan Unit Pemantauan Pelaksanaan (Delivery Management Unit) bagi NIMP 2030. MITI juga melaporkan tahap kemajuan dan keberhasilan projek secara konsisten melalui Kad Laporan MITI yang dibentangkan kepada media setiap tiga bulan.”

“MITI akan memastikan dasar-dasar ekonomi RMK13 di bawah seliaan MITI akan dilaksanakan sebaik mungkin bagi memacu pertumbuhan Malaysia yang mampan dan inklusif, yang akan memperkukuh tadbir urus Kerajaan, meningkatkan kualiti hidup rakyat, dan membuka lebih banyak peluang kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Dengan inisiatif-inisiatif ini, MITI beriltizam untuk memacu pelaksanaan dasar-dasar strategik bagi

memastikan aspirasi RMK13 tercapai, sekaligus menjadikan Malaysia sebagai pemacu potensi global,” sambung Tengku Zafrul.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

5 Ogos 2025

TENTANG MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

 603-80008000  www.miti.gov.my  webmiti@miti.gov.my



PEMACU POTENSI GLOBAL